KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : hasar@moh.gov.my

Rujukan: KKM 87/P1/14/1/2(2)ET 2012 Jld.2
Tarikh : 2 Julai 2012

Semua Pengarah Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Hospital
Semua Pengarah Institut Kesihatan
Semua Pegawai Kesihatan Daerah/Pegawai Pergigigan Daerah
Semua Pengarah Makmal Kesihatan Awam
Semua Pengetua Kolej Kejururawatan
Semua Pengetua Kolej Sains Kesihatan Bersekutu

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 24/2012
PERINGATAN BAGI MENINGKATKAN USAHA PENJAGAAN KESELAMATAN PERALATAN PERUBATAN DI SEMUA FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Memberi penekanan tentang kepentingan penjagaan keselamatan peralatan perubatan dan menyenaraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan peralatan tersebut.

2. LATAR BELAKANG

Pengurusan peralatan perubatan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah tertakluk di bawah Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007. Keselamatan peralatan-peralatan tersebut juga adalah tertakluk kepada Arahan Keselamatan Kerajaan.

Berikutan laporan siri kecurian peralatan perubatan di beberapa buah hospital swasta baru-baru ini, langkah-langkah pengawalan keselamatan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia perlu dipertingkatkan bagi mengelak kejadian serupa berlaku di fasiliti KKM.

3. PELAKSANAAN

3.1 Penggunaan Peralatan Perubatan

3.1.1 Penggunaan peralatan perubatan hanyalah oleh pegawai atau kakitangan yang mahir dan berkelayakan menggunakannya.

3.1.2 Segala penggunaan dan pergerakan peralatan hendaklah direkodkan.

3.2 Penyimpanan Peralatan Perubatan

3.2.1 Semua peralatan perubatan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan Pegawai Yang Bertanggungjawab.

3.2.2 Peralatan-peralatan yang hanya digunakan pada waktu bekerja (contohnya: klinik, bilik bedah minor, Pusat Rawatan Harian) hendaklah disimpan di tempat berkunci.

3.2.3 Peralatan perubatan yang bernilai tinggi hendaklah sentiasa di bawah kawalan maksima.

3.3 Kawalan Keselamatan

3.3.1 Arahan Keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan peralatan.

3.3.2 Laluan keluar masuk ke semua bahagian fasiliti hendaklah dihadkan selepas waktu bekerja dan kaunter hendaklah disediakan di tempat-tempat tertentu.

3.3.3 Kawalan keselamatan perlu disediakan dan dipertingkatkan, terutamanya di kawasan penyimpanan peralatan-peralatan perubatan bernilai tinggi.

3.4 Pegawai Bertanggungjawab

3.4.1 Setiap pegawai adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan, kerosakan atau kehilangan peralatan perubatan di bawah tanggungjawabnya.

3.4.2 Pengarah Hospital/Institut, Pegawai/Pakar Yang Menjaga, Ketua Jabatan/Unit hendaklah memastikan semua pegawai di bawah seliaan mematuhi peraturan-peraturan berkaitan pengurusan peralatan perubatan termasuk aspek keselamatan.

3.4.3 Pegawai yang gagal mematuhi peraturan-peraturan berkaitan pengurusan peralatan perubatan boleh dikenakan tindakan termasuk surcaj di bawah Seksyen 18(c) Akta Prosedur Kewangan 1957.

3.4.4 Sekiranya kehilangan peralatan berlaku, prosedur termasuk Laporan Polis dan Laporan Awal hendaklah dipatuhi mengikut Bab F, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

4. DOKUMEN RUJUKAN

4.1 Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 -Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) Kementerian Kewangan Malaysia

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 0388831047
No. Fax : 0388831427

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

(DATO' SRI DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia